

13/07/1999

NUTE mahu hantar memo kepada PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Kesatuan Pekerja-pekerja Telekom Malaysia Berhad (NUTE) akan menghantar memorandum sulit kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung penyelewengan dalam Telekom Malaysia Berhad (Telekom), khususnya di peringkat atasan.

Presidennya, Mohamed Shafie BP Mammal, berkata memorandum yang akan diserahkan selewat-lewatnya minggu depan, turut mengandungi permintaan NUTE agar kerajaan melantik juruaudit bebas bagi menyiasat penyelewengan itu, khususnya soal penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran dan kewangan.

"Memorandum sulit itu akan diserahkan sendiri kepada Perdana Menteri dalam satu perjumpaan yang akan diadakan selewat-lewatnya minggu depan.

"Dalam memorandum itu, kami akan mendedahkan penyelewengan dalam Telekom Malaysia," katanya di sidang akhbar di ibu pejabat NUTE di sini hari ini.

(END)